


16 - 31 MEI, 2026

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Genggam 9A+ SPM

## anak permata dirai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**NUR ANIS NABILAH MUHAMAD ZAHIR** yang tular baru-baru ini meraih A+ dalam kesemua sembilan subjek peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2025 memenuhi jemputan khas ke Majlis Jamuan Aidilfitri Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang di Komtar pada 6 April 2026.

Bekas pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Balik Pulau itu ditemani ayah, **MUHAMAD ZAHIR ABDUL RAHMAN**, 51, dan pengasuhnya sejak kecil, **ALIZA CHE ROS**.

Tambah bermakna, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri bersama meraikan kejayaan Nur Anis Nabilah sekeluarga.

Dalam majlis sama, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim juga menyampaikan hadiah berupa komputer tablet kepada Nur Anis Nabilah, sambil disaksikan Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zairi Mat Ali dan Pengarah Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang, Rozita Ibrahim serta sekalian anggota jabatan berkenaan.

Inisiatif JKM negeri menganjurkan majlis jamuan Aidilfitri serentak dengan acara meraikan kejayaan Nur Anis Nabilah sekeluarga adalah signifikan memandangkan ayah kepada pelajar cemerlang berkenaan masih merupakan klien jabatan.




**NUR Anis Nabilah Muhamad Zahir (tiga dari kiri) menerima penghargaan daripada Ketua Menteri dengan ditemani ayah dan pengasuhnya pada Majlis Jamuan Aidilfitri JKM di Komtar baru-baru ini. Turut sama, Lim Siew Khim (kanan sekali) dan Rozita Ibrahim (tiga dari kanan).**

Melihat Nur Anis Nabilah sekeluarga diraikan secara sederhana, membawa makna yang mendalam bahawa kejayaan yang dirangkul tidak pernah datang bergolek.

Namun, kejayaan Nur Anis Nabilah itu membuktikan bahawa kekangan hidup sekeluarga termasuk keterbatasan fizikal yang dialami oleh ibu bapa bukanlah penghalang untuk beliau mencorak kejayaan akademik dalam kehidupan.

"Di MRSM, saya banyak meluangkan masa mengulang kaji pelajaran selain ke kelas tuisyen pada sebelah petang dan malam.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# ‘Lihat’ dunia melalui ilmu

“Pada waktu lapang atau terasa ‘letih’ belajar, saya akan menyulam masa dengan membaca buku cerita *genre* cabaran hidup ataupun komik,” jelasnya dalam nada sederhana ketika ditemui oleh Buletin Mutiara.

Nur Anis Nabilah memberitahu bahawa beliau menjadi ulat buku kini adalah hasil didikan sang ayah sejak kecil.

“Pernah saya membelanjakan sehingga RM500 di kedai buku sebab minat ini,” jelasnya sambil menyatakan bahawa beliau selesa melanjutkan pengajian di dalam negara sahaja supaya tidak berjauhan dari keluarga.

Difahamkan, Nur Anis Nabilah bakal melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan profesional (ACCA) di Universiti Sunway, dengan tajaan pembelajaran daripada Yayasan Peneraju.

Muhamad Zahir yang ditemui kemudian memberitahu bahawa beliau menerapkan budaya membaca sejak Nur Anis Nabilah masih kecil.

“Saya ada keterbatasan dari segi penglihatan, begitu juga ibunya (mengalami penglihatan terbatas), jadi untuk memastikan anak kami celik hidup adalah dengan budaya membaca.

“Saya terapkan semangat membaca dalam diri Nur Anis Nabilah sejak dia kecil.

“Biarpun saya tidak dapat melihat dengan jelas, saya mahu dia melihat dunia melalui ilmu," ujarnya yang bekerja sebagai tukang urut di Kompleks Bukit Jambul (KBJ).

Di samping itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri terutama JKM Pulau Pinang atas sistem sokongan yang diberikan kepadanya selama ini, untuk terus kuat sebagai tulang belakang keluarga.

Kisah Nur Anis Nabilah adalah bukti sahih bahawa ‘di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.’

Syabas Anis sekeluarga!



**MUHAMAD Zahir Abdul Rahman.**



**NUR Anis Nabilah Muhamad Zahir.**

# TASKAL, perkasa agenda lestari

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang kekal komited dalam memperkasa agenda kelestarian pada peringkat sekolah menerusi pelaksanaan Program Transformasi Sekolah Ke Arah Lestari (TASKAL) 2026 yang terbukti memberi impak positif kepada ekosistem pendidikan negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa antara usaha berterusan yang dilaksanakan termasuk penyediaan *‘seed grant’* kepada sekolah-sekolah yang mencapai penarafan tiga hingga lima bintang bagi menyokong pelaksanaan aktiviti kelestarian masing-masing.

Menurut beliau, kejayaan pelaksanaan TASKAL sepanjang tahun 2025 amat membanggakan apabila mencatatkan penglibatan 100 peratus sekolah di Pulau Pinang.

“Penglibatan menyeluruh ini mencerminkan kekuatan ekosistem pendidikan negeri yang mampu bergerak secara kolektif, tersusun dan berfokus.

“Inilah kekuatan sebenar Pulau Pinang apabila semua sekolah berkongsi visi yang sama dalam mendidik generasi masa depan dengan nilai kelestarian,” katanya ketika berucap pada Majlis Peluncuran Program TASKAL Sekolah-Sekolah Pulau Pinang dan Program TASKAL Pioneer 2026 di Dataran Mutiara Gemilang di sini pada 7 April lalu.



**KETUA Menteri menyampaikan sijil kepada salah seorang wakil peserta Sekolah TASKAL Pioneer 2026 pada Majlis Peluncuran Program TASKAL Sekolah-Sekolah Pulau Pinang dan Program TASKAL Pioneer 2026 di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Kon Yeow menegaskan bahawa inisiatif TASKAL merupakan manifestasi kepada Visi Penang2030, khususnya di bawah Tema C: Memperkasa Rakyat dan Tema D: Melabur dalam Persekitaran Fizikal.

“Usaha ini bukan sekadar menyampaikan ilmu, malah menjadi platform strategik dalam melahirkan generasi berkemahiran tinggi yang turut memiliki kesedaran kelestarian yang jitu.

“Ini adalah tunjang kepada pembentukan masyarakat progresif, berdaya tahan dan seimbang,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa dengan penglibatan 396 sekolah awam di negeri ini, sasaran mencapai kadar kitar semula sebanyak 70 peratus menjelang tahun 2030 adalah realistik.

Tambah beliau, peranan sekolah sebagai institusi penting dalam pembentukan nilai, yang mana amalan kelestarian diterapkan dalam kalangan murid mampu mempengaruhi keluarga dan seterusnya komuniti.

“Ini adalah kuasa sebenar pendidikan sebagai ejen transformasi sosial,” ujarnya.

Di samping itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri turut menyokong pendekatan *mentor-mentee* menerusi Program TASKAL Pioneer yang dilihat mampu memperkukuh budaya perkongsian ilmu dan pengalaman antara sekolah.

Terdahulu, Kon Yeow turut menyampaikan sijil pelantikan kepada 30 sekolah yang telah dilantik sebagai Sekolah TASKAL Pioneer bagi program TASKAL Pioneer 2026, merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

# Sukarelawan Belia Pulau Pinang

## 'tulang belakang' masa depan

**DALAM** tempoh enam tahun, Sukarelawan Belia Pulau Pinang bukan sekadar menghimpunkan tenaga muda, malah berjaya membentuk generasi pemimpin berwibawa apabila seramai 9,529 belia telah berdaftar setakat Mac 2026.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkata, angka tersebut mencerminkan lonjakan penyertaan sosial yang signifikan, sekali gus membuktikan belia kini menjadi 'tulang belakang' kepada pelaksanaan pelbagai agenda negeri.

Menurut beliau, keberkesanan program berkaitan tidak hanya diukur melalui angka penyertaan, tetapi lebih penting melalui impak langsung kepada komuniti dan transformasi diri sukarelawan.

"Belia hari ini bukan lagi sekadar peserta, tetapi rakan strategik utama dalam memacu perubahan sosial.

"Mereka bukan sahaja membantu kelancaran acara, malah membuktikan keupayaan mobilisasi yang pantas dan berkesan dalam situasi kritikal," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** ketika ditemui di pejabatnya pada 7 April lalu.

Mengulas lanjut, Zi Sen berharap lebih ramai belia tampil menjadi Sukarelawan Belia Pulau Pinang sekali gus berjaya mencapai sasaran sukarelawan berdaftar seramai 10,000 orang tahun ini.



SUKARELAWAN belia tampil segak dengan rompi merah dan bersemangat pada salah satu program kemasyarakatan di Padang Kota Lama baru-baru ini.




DANIEL Gooi Zi Sen.

### Dari sukarelawan ke pemimpin komuniti

Tambah beliau, antara indikator kejayaan paling ketara adalah perubahan karakter peserta yang beralih daripada individu pasif kepada pemimpin komuniti yang yakin dan berdaya saing.

"Penilaian oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) mendapati bahawa program ini berjaya membina jati diri, disiplin serta etika kerja profesional melalui sistem maklum balas dan latihan berterusan.

"Lebih menarik, sukarelawan turut diberi peluang menyertai program pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekali gus melahirkan belia berminda global tetapi tetap berakar pada nilai tempatan," katanya.

### Terlibat dalam krisis hingga pentas antarabangsa

Menurut Zi Sen, sepanjang pelaksanaannya sejak Mac 2020, program ini mencatat pelbagai pencapaian ikonik yang mencerminkan impak sebenar kepada masyarakat.

"Antaranya termasuk penglibatan aktif dalam misi bantuan banjir di Pahang, pengagihan makanan ketika pandemik COVID-19 serta operasi bantuan air semasa gangguan bekalan di Pulau Pinang pada 2024.

"Dalam masa sama, sukarelawan ini turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan kelestarian alam sekitar melalui aktiviti seperti pembersihan pantai, yang berjaya mengubah sikap komuniti ke arah lebih prihatin terhadap alam sekitar.

"Pada peringkat lebih tinggi, mereka turut diberi kepercayaan menyertai forum berprestij seperti *ASEAN Senior Economic Officials Meeting* dan *Malaysia Urban Forum* yang merupakan satu pengiktirafan terhadap profesionalisme dan keupayaan belia Pulau Pinang," ujarnya.

### Rekod nasional hasil tenaga sukarelawan

Salah satu pencapaian paling membanggakan, kata Zi Sen, adalah projek mural *'Blank Canvas'* di Taman Rimba WoodHaven, Bukit Mertajam yang diiktiraf dalam *Malaysia Book of Records* sebagai mural bertema hutan bandar terpanjang di negara ini.

"Mural sepanjang 218.5 meter dan setinggi 2.1 meter itu dihasilkan oleh 170 sukarelawan belia, membuktikan gabungan kreativiti dan semangat kesukarelawanan mampu mencipta impak besar," ulasnya lanjut.

### Kekal aktif, bukan sekadar *'one-off'*

Dalam memastikan kesinambungan penglibatan para belia dalam aktiviti kesukarelawanan ini, Zi Sen memaklumkan bahawa kira-kira 300 sukarelawan dikenal pasti kekal aktif secara konsisten sejak 2021.

"Ini merupakan satu angka yang mencerminkan kualiti komitmen tinggi dalam kalangan peserta.

"Bagi mengekalkan momentum ini, Kerajaan Negeri melalui PYDC perkenalkan beberapa pendekatan strategik.

"Antaranya sistem jam kredit sebagai pengiktirafan sumbangan; pembinaan komuniti berteraskan rasa kepunyaan serta peluang latihan, kepimpinan dan pendedahan ke peringkat lebih tinggi.

"Pendekatan ini menjadikan kesukarelawanan bukan sekadar aktiviti *'one-off'* atau sementara, tetapi sebahagian daripada gaya hidup belia," jelasnya.

### Had umur belia

Mengulas mengenai isu had umur belia yang kini ditetapkan kepada 30 tahun, Zi Sen berkata bahawa data menunjukkan 81.41 peratus sukarelawan sedia ada yang berdaftar dengan Sukarelawan Belia Pulau Pinang terdiri daripada golongan bawah 30 tahun, sekali gus membuktikan program ini relevan dengan generasi muda.

*(Sambungan di muka 4).*

# Landskap bukan sekadar 'kosmetik'



**SHAQHRONY** Md. Yusoff.

**LANDSKAP** sering dianggap sekadar elemen 'kosmetik' yang menghiasi bahu jalan dan kawasan lapang.

Namun, menurut Pengarah Jabatan Landskap Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), **SHAQHRONY MD. YUSOFF**, peranan landskap sebenarnya jauh lebih besar daripada itu.

Mengambil contoh mudah, beliau menjelaskan bahawa landskap mampu memberikan nilai tambah kepada sektor hartanah.

"Saya boleh katakan, perumahan yang mempunyai landskap berpotensi meningkatkan nilai hartanah antara lima hingga 20 peratus," ujarnya ketika sesi temu bual khas oleh wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN** di Menara MBSP pada 1 April lalu.

Tambah Shaqhrony, kebergantungan manusia terhadap pokok sebenarnya sangat tinggi, namun sering tidak disedari.

"Tetapi orang tidak nampak atau tidak perasan, mungkin disebabkan kurang pendedahan.

"Contoh mudah, apabila kita meletakkan kenderaan, kebanyakan orang akan memilih kawasan yang redup di bawah pokok berbanding kawasan terbuka tanpa teduhan.

"Ini adalah fitrah dan refleks semula jadi manusia," jelasnya.

Shaqhrony turut menegaskan bahawa antara manfaat terbesar landskap adalah penghasilan oksigen secara percuma serta peranannya sebagai penapis pencemaran.

"Pencemaran tidak dapat dielakkan, namun kita perlu mencari cara untuk menstabilkan semula keadaan.

"Kita tidak boleh meninggalkan penggunaan kenderaan, tetapi pada masa sama perlu mengurangkan kesan sampingannya.

"Pokok merupakan agen semula jadi yang berkesan kerana tidak memerlukan kos yang tinggi, hanya perlu perancangan penanaman yang saintifik untuk membantu mengurangkan pencemaran," ujarnya.

Beliau turut berkongsi contoh dari Surabaya, Indonesia, yang mana usaha penanaman satu juta pokok berjaya menurunkan suhu bandar tersebut kira-kira dua darjah Celsius.

Dalam usaha mengekalkan dan menambah landskap, pelbagai cabaran turut dihadapi, termasuk isu infrastruktur seperti longkang rosak serta aduan berkaitan gangguan parkir.

"Ada pemilik rumah yang mahu pokok di hadapan kediaman mereka ditebang atas alasan ingin mengubah suai atau membesarkan laluan masuk.

"Jika melibatkan utiliti seperti longkang mungkin ada pertimbangan tetapi mereka sering terlepas pandang bahawa pokok itulah yang menyejukkan kawasan tersebut.

"Landskap memberikan teduhan dan oksigen, jangan sampai suatu hari nanti kita terpaksa 'membayar' untuk mendapatkan oksigen," tegasnya.

Selain itu, aspek penyelenggaraan turut menjadi cabaran utama kerana landskap melibatkan elemen hidup.

"Seperti rambut dan kuku yang perlu dipotong, pokok juga memerlukan penjagaan berkala.

"Oleh itu, perancangan yang rapi dari segi perbelanjaan dan pengurusan amat penting dalam profesion landskap," jelasnya.

Menyentuh mengenai isu setempat pula, Shaqhrony mengakui beliau berhasrat melihat pihak berkuasa tempatan (PBT) di negara ini mampu menjadikan landskap lebih hijau dan mampan.

"Saya ambil peluang bercakap untuk didik orang ramai.

"Kalau kita pergi Yokohama, Jepun contohnya, kita dapat melihat inisiatif yang mereka ambil dengan memperbanyak laluan pejalan kaki, kemudahan bagi kenderaan mikromobiliti dan menanam lebih banyak pokok, sekali gus mengurangkan aliran trafik.

"Kita di sini bagilah empat lorong atau 10 lorong tetapi tetap tidak cukup dan trafik sentiasa meningkat.

"Keadaan inilah yang menyebabkan berlakunya pemanasan global meskipun pelbagai inisitif telah dilaksanakan oleh pihak Majlis," kongsinya yang pernah menetap dua minggu di Yokohama bagi mempelajari selok-belok mengenai landskap.

*(Sambungan dari muka 3).*

# Pelaburan strategik pembangunan modal insan

"Namun begitu, platform ini masih dibuka kepada belia berumur sehingga 35 tahun bagi tujuan bimbingan dan kestabilan organisasi.

"(Dan) bagi menarik lebih ramai penyertaan baharu, Kerajaan Negeri mempergiat strategi dengan mengadakan kempen digital melalui platform popular seperti *TikTok* dan *Instagram*.

"Selain itu, bekerjasama lebih erat dengan pihak sekolah, kolej dan universiti sebagai salah satu strategi pelaburan masa depan negeri," katanya.

Mengakhiri wawancara, Zi Sen menegaskan bahawa program Sukarelawan Belia Pulau Pinang adalah pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan negeri.

"Kesinambungan antara penglibatan aktif dan pembinaan karakter memastikan setiap sukarelawan bukan sahaja memberi impak hari ini, tetapi juga bersedia menjadi pemimpin masa depan.

"Dengan rekod pencapaian dan penyertaan yang terus meningkat, program ini jelas membuktikan bahawa belia Pulau Pinang bukan sekadar harapan masa depan tetapi penggerak utama perubahan hari ini," ujarnya.

## Hayati impak kesukarelawanan

Pemilihan *tagline 'We Make A Difference'* mencerminkan keyakinan bahawa setiap tindakan kecil sukarelawan mampu mencetuskan impak besar kepada komuniti secara berantai, ujar Timbalan Pengurus Besar PYDC, **ONG CHING SHI** ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurut beliau, pendekatan tersebut menekankan bahawa tiada tugas yang terlalu kecil dalam dunia kesukarelawanan

"Setiap peranan, walaupun bersifat teknikal atau asas ia merupakan komponen penting kepada kejayaan sesuatu misi.

"Selain itu, keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab dilihat sebagai kunci kepada pembentukan impak kolektif yang signifikan.

"*Tagline* ini merupakan seruan, di samping membantu membina jati diri serta kepimpinan dalam kalangan belia," tegasnya.



**ANTARA sukarelawan belia yang menyertai Program World Clean Up Day baru-baru ini.**

Bercakap mengenai harapan, beliau mahu Sukarelawan Belia Pulau Pinang terus menjadi platform dalam melahirkan sukarelawan yang proaktif, berintegriti dan sentiasa relevan dengan keperluan semasa masyarakat.

"Setiap pengalaman yang diperoleh melalui platform ini diyakini mampu mematangkan golongan belia dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

"Ia sekali gus menjadikan mereka ejen perubahan yang konsisten ke arah kesejahteraan Pulau Pinang," jelasnya.

# PERDA Halal Park Fasa 2 sokong ekosistem halal

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PERMATANG BERANGAN** – Pulau Pinang melangkah setapak lagi dalam pembangunan industri halal melalui projek PERDA Halal Park Fasa 2 yang menelan kos RM33 juta.

Projek berkeluasan 4.4 hektar itu dibangunkan di sebahagian Lot 21328 Mukim 12, Kubang Menerong di sini dan merupakan kesinambungan kepada Fasa 1 yang telah siap pada 2015.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Dato' Ir. Dr. Shaik Hussein Mydin berkata bahawa *PERDA Halal Park* bukan sekadar pembangunan biasa, sebaliknya sebuah hab industri yang akan memenuhi standard kualiti serta integriti halal yang diiktiraf.

Menurut beliau, projek tersebut juga mencerminkan komitmen PERDA dalam membangunkan infrastruktur halal yang kompetitif di negeri ini.

"Projek Fasa 2 ini telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang pada 26 Februari lepas dan kita menyasarkan kerja pembinaan akan bermula secara rasmi pada Julai ini.

"Kerja-kerja pembinaan dijangka mengambil masa selama 24 bulan, dan kita akan dapat melihat ia siap sepenuhnya pada Julai 2028," katanya ketika berucap dalam Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Industri - PERDA Halal Park Fasa 2 dekat Kubang Menerong di sini 7 April lalu.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan, Dato' Rashidi Zinol dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican.

Shaik Hussein menyatakan bahawa antara komponen utama projek itu adalah pembinaan 22 unit industri teres setingkat yang akan menjadi nadi pengeluaran produk halal usahawan.

Selain itu, beliau menjelaskan bahawa *PERDA Halal Park* turut menyediakan fasiliti sokongan termasuk pejabat pentadbiran, surau, dewan serba guna, tandas, kompleks makanan dengan lima unit gerai serta pusat pengumpulan sampah.

Dalam pada itu, tambah beliau, kawasan seluas 120 ekar (46.5 hektar) telah diperuntukkan bagi pembangunan industri halal, yang turut menerima pengiktirafan Halal Malaysia (HALMAS) daripada *Halal Development Corporation* (HDC) sejak 2011.

"Sehingga kini, sebanyak 40 ekar atau 33 peratus daripada pelan induk telah dibangunkan secara berfasa.

"Kita telah menyaksikan kejayaan pembangunan Fasa Satu melibatkan kerja tanah pada 2005, diikuti Fasa 1A (2007), 1B (2009), 1C (2011) dan 1D pada 2015," ujarnya.

Mengulas lanjut, Shaik Hussein memberitahu bahawa hasil pembangunan itu turut menyaksikan



MOHAMAD Abdul Hamid (depan, kiri sekali) mengiringi Ahmad Zahid Hamidi (berkemeja biru) melihat model pembangunan PERDA Halal Park Fasa 2 sempena majlis pecah tanah projek berkaitan dekat Kubang Menerong di sini baru-baru ini.

*PERDA Food Park* dan *Midtown* kini beroperasi di kawasan seluas 40 ekar (16.1) hektar yang menempatkan 27 unit kilang industri kecil dan sederhana (IKS) pelbagai saiz serta 20 lot industri untuk jualan, dengan kos keseluruhan melebihi RM28 juta.

"Projek itu masih terdapat baki kira-kira 70 ekar (28.3 hektar) kawasan pembangunan yang sedia dimajukan, sekali gus membuka peluang bagi pengembangan industri halal pada masa hadapan," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Mohamad memberitahu bahawa pembangunan *PERDA Halal Park* mencerminkan komitmen berterusan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina ekosistem halal yang menyeluruh di setiap rantaian pengeluaran, pengedaran, hingga kepada pengguna produk dan perkhidmatan halal.

"Kerajaan Negeri komited untuk menyediakan prasarana kondusif, dasar yang mesra pelabur, serta sokongan teknikal dan latihan kepada semua pemain industri.

"Hasrat serta tujuan kita untuk terus memperkasakan industri halal di Pulau Pinang pastinya tidak lengkap jika tidak mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Ini kerana kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Persekutuan hari ini mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai peneraju dalam industri halal, sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan inklusif selari dengan Visi Penang2030 dan Gagasan Malaysia Madani," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad menyatakan bahawa prestasi eksport produk halal Pulau Pinang mencatatkan peningkatan ketara apabila nilai dagangan melonjak daripada RM11.5 bilion pada tahun 2023 kepada RM20.5 bilion pada tahun 2024.

Tambah beliau, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), peningkatan tersebut turut menyaksikan sumbangan peratusan bertambah daripada 23.4 peratus kepada 36.4 peratus, sekali gus mencerminkan pertumbuhan signifikan sektor berkenaan di negeri ini.

"Momentum positif ini terus diperkukuh apabila laporan bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) merekodkan pencapaian eksport produk halal Pulau Pinang mencecah RM18.31 bilion.

"Perkembangan ini menunjukkan daya tahan serta keupayaan industri halal negeri untuk terus berkembang dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, selain mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai antara penyumbang penting kepada eksport halal negara.

"Peningkatan berterusan ini juga dilihat selari dengan usaha memperkukuh ekosistem industri halal, termasuk pembangunan infrastruktur serta sokongan kepada pemain industri bagi menembusi pasaran global," jelasnya.



ILUSTRASI PERDA Halal Park Fasa 2 apabila siap kelak.

# PAWE ibarat 'rumah kedua'

"**YANG muda dikasihi, yang tua dihormati**" – ungkapan ini cukup sinonim dalam menggambarkan nilai murni masyarakat Malaysia yang sentiasa menjunjung tinggi martabat warga emas.

Golongan perintis ini seharusnya menikmati sisa usia mereka dalam keadaan sihat, ceria dan penuh kegembiraan selepas menghabiskan sebahagian besar kehidupan berjuang demi keluarga, anak-anak serta masa depan yang lebih baik.

Oleh hal demikian, kewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara menjadi satu inisiatif penting dalam memastikan warga emas terus menjalani kehidupan yang aktif, sihat dan sejahtera.

Di Pulau Pinang, PAWE Jelutong muncul sebagai antara pusat yang paling menyerlah apabila berjaya menjadi 'nyawa kedua' buat warga emas dari pelbagai latar belakang kaum dan agama untuk mengekspresikan diri, membina persahabatan baharu serta meneroka pelbagai aktiviti yang mungkin sukar dilakukan ketika usia muda dahulu.

Terletak di Jalan Air Itam, George Town, PAWE Jelutong atau lebih dikenali sebagai *Golden Hope PAWE Jelutong Seniors Activity Centre* bukan sekadar tempat beriadah, malah menjadi ruang sosial yang penuh dengan gelak tawa, semangat dan kehidupan.

Tinjauan wartawan Buletin Mutiara, **MOHD. AIZAT SHARIF FISALLUDDIN** di pusat berkaitan pada 1 April 2026 mendapati pelbagai aktiviti dijalankan setiap hari seperti kelas tai chi, senaman aerobik, tarian Melayu, kelas kompang, karaoke, kaligrafi Cina, ping pong serta sukan yang semakin popular dalam kalangan warga emas iaitu *pickleball*.

Setiap sudut pusat itu dipenuhi suasana ceria dan bebas tekanan, malah di bangunan bersejarah yang dibina sejak zaman kolonial British itu kini menjadi saksi kepada kehidupan baharu warga emas yang memilih untuk terus aktif dan bersemangat.



LAWRENCE Cheah Seong Paik.

Pengerusi PAWE Jelutong, **DATUK SERI LAWRENCE CHEAH SEONG PAIK**, 83, berkata bahawa pusat itu diwujudkan bukan sekadar untuk mengisi masa lapang, tetapi sebagai platform untuk warga emas mengekalkan kecergasan fizikal, menonjolkan bakat serta mengukuhkan hubungan sosial tanpa mengira bangsa dan agama.

"Perkataan *'Golden Hope'* itu sendiri melambangkan warga emas yang berada di sini bebas daripada sebarang tekanan dan masalah yang membelenggu kehidupan mereka.

"Di sini, segala aktiviti dilaksanakan dengan penuh kegembiraan kerana kami adalah satu keluarga," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut beliau, apabila seseorang memasuki fasa warga emas, kehidupan mereka sering dianggap semakin perlahan, tidak lagi bertenaga dan hanya menunggu masa untuk berehat sepenuhnya.

Namun, beliau mahu persepsi itu diubah.

"Di PAWE Jelutong, kami mahu mengubah mentaliti bahawa warga emas juga perlu mempunyai kehidupan yang aktif, sihat dan ceria, terutama bagi mereka yang sudah bersara daripada alam pekerjaan," katanya.

## Rentas kaum, rapatkan hubungan

PAWE Jelutong kini mempunyai lebih 700 ahli dan menyasarkan keahlian seramai 1,000 orang pada masa hadapan.

Majoriti ahlinya terdiri daripada pesara sektor kerajaan dan swasta, selain ibu serta bapa tunggal yang kehilangan pasangan hidup atau tinggal berjauhan daripada anak-anak kerana faktor pekerjaan serta perkahwinan.

Menurut Seong Paik, keunikan PAWE Jelutong terletak pada hubungan erat yang terjalin antara warga emas berbilang kaum.

Jelasnya, pengenalan silang budaya berlaku secara semula jadi apabila ahli berbangsa Cina dan India turut menyertai kelas tarian tradisional Melayu serta kompang, manakala warga emas Melayu pula aktif dalam kelas muzik ukulele dan aktiviti seni lain.

"Setiap hari dipenuhi dengan aktiviti yang telah dirancang lebih awal, dan mereka bebas memilih apa sahaja aktiviti kegemaran masing-masing.

"Inilah yang menjadikan pusat ini begitu istimewa kerana semua orang dapat belajar budaya antara satu sama lain," ulas beliau.

Selain aktiviti sosial dan fizikal, difahamkan bahawa PAWE Jelutong turut memberi perhatian kepada aspek rohani dan emosi warga emas.

"Bagi warga emas beragama Islam, kelas bimbingan fardu ain diadakan setiap petang Rabu bagi memberi ruang untuk mereka mendalami ilmu agama dengan lebih dekat.

"Ramai warga emas Islam hadir ke sini untuk mengikuti kelas agama bersama tenaga pengajar yang datang setiap minggu.

"Ini bukan sahaja memberi ketenangan jiwa, malah menjadikan pusat ini lebih bermakna buat mereka," jelasnya.

Lebih menarik, Seong Paik memberitahu bahawa PAWE Jelutong turut menyediakan talian *hotline* 1-300-88-2689 sebagai saluran sokongan emosi untuk warga emas yang ingin berkongsi perasaan, meluahkan kesunyian atau sekadar mahu didengari.

Beliau berkata, sukarelawan sentiasa bersedia mendengar kerana mereka memahami bahawa ramai warga emas berdepan kesunyian selepas kehilangan pasangan atau tinggal berjauhan daripada anak-anak.

*(Sambungan di muka 7).*



**MEMPELAJARI kaligrafi Cina merupakan antara aktiviti yang terdapat di sini.**



**PAWE Jelutong turut mempunyai kumpulan kompang yang terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat usia.**

*(Sambungan dari muka 6).*

# bina persahabatan, harapan baharu

**‘Rumah kedua’ yang mendamaikan**

Bagi pesara guru, **JUANITA LIM SUE LYN**, 62, dari Paya Terubong, PAWE Jelutong bukan sekadar pusat aktiviti, tetapi benar-benar menjadi ‘rumah kedua’ buat dirinya.

Beliau memberitahu, suasana di situ sangat mendamaikan kerana dia dapat meneroka minat yang sebelum ini tidak berkesempatan dilakukan seperti bermain kompang, selain mengikuti kelas tarian, muzik dan sukan.

“Bagi saya, berada di sini sangat mendamaikan kerana kita dapat mengekspresikan minat diri yang selama ini tidak dapat diterokai.

“Ia menjadikan kita bukan sahaja sihat, tetapi juga lebih cerdas dalam memberi respons terhadap apa jua keadaan,” ujarnya.

Baginya, peluang bertemu rakan daripada pelbagai bangsa dan agama turut menjadikan pengalaman di PAWE lebih bermakna.

Seorang lagi ahli, **FATIMAH ABDUL RAHMAN**, 72, dari Taman Free School, menyifatkan bahawa PAWE Jelutong sebagai ruang yang memberi kegembiraan dan semangat baharu dalam kehidupannya.



**JUANITA Lim Sue Lyn.**



**FATIMAH Abdul Rahman.**

Menurut beliau, selain dapat berinteraksi dengan rakan-rakan dari pelbagai kawasan, dia juga berpeluang mengikuti aktiviti yang jarang dilakukan ketika berada di rumah seperti menari, bermain kompang dan mengikuti kelas agama.

“Dalam masa sama juga, di sini saya turut berpeluang mengikuti kelas agama, jadi banyak perkara sebenarnya yang kami belajar termasuklah ilmu agama.

“Saya berharap PAWE ini dapat terus kekal kerana ini adalah dunia kami,” katanya.

Begitu juga bagi pengajar kecergasan, **S. JEORGE**, 77, semangat luar biasa yang ditunjukkan warga emas ketika mengikuti kelas tarian dan aerobik membuktikan bahawa usia bukan penghalang untuk terus aktif.

“Saya juga warga emas, dan apabila mengajar mereka menari serta bersenam, saya melihat semangat mereka sangat luar biasa.

“Mereka sentiasa mahu belajar dan meneroka ilmu baharu,” katanya.

Malah, beliau berpendapat bahawa suasana positif seperti ini membantu warga emas terus cergas dan membuktikan bahawa mereka masih mampu memberi sumbangan besar kepada masyarakat.

**Simbol kehidupan lebih bermakna**

Difahamkan, terdapat kira-kira 200 PAWE mengikut kawasan Parlimen di seluruh negara, dan PAWE Jelutong yang terletak di bawah Parlimen Jelutong telah dirasmikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada tahun lalu.

Hari ini, PAWE Jelutong bukan sekadar pusat aktiviti warga emas, tetapi simbol kehidupan yang lebih bermakna buat mereka.

Ia menjadi ruang untuk mereka terus ketawa, belajar, bergerak aktif dan menjalani usia emas dengan penuh harapan.

Bagi ramai warga emas di situ, PAWE bukan sekadar sebuah bangunan. Ia adalah rumah kedua, ia adalah keluarga dan seperti kata Fatimah, itulah dunia mereka.


*DIBUKA UNTUK JUALAN*

*TAMAN SERI BEDU (FASA 1)*

**HAK MILIK KEKAL**

**5 % Diskaun Untuk BUMIPUTERA**



**18 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT**

**Harga Minima – RM506,363.95**

**Harga Maksima – RM710,000.00**

**Luas Binaan : 1600sqft**

**Luas Tanah : 1200sqft**

**4 Bilik Mandi**

**4 Bilik Tidur**




IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARAMAKLUMAT PEMAJUAN DAN IKLAN YANG DILULUSKAN BOLEH DISEMAK DI PORTAL TEDUH.KPKT.GOV.MY”

**Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :-**

**Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,**

**Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang.**

**Tel : 04-6505242 Fax : 04-2622904**

**facebook IHSAN CERIA SDN BHD (852178-V)**

**No.2,2nd Floor, Persiaran Maklom, Pusat Perniagaan Maklom, 13800 Butterworth**

**TEL : 04-3580522** **WHATSAPP : 012-3196038**

No Lesen Pemaju : 13595/07-2026/0932(A), Tempoh Sah : 20.07.2023 – 19.07.2026, No Permit Iklan & Jualan :13595-4/05-2026/0415(A)-(L), Tempoh Sah : 14.05.2024 – 13.05.2026, No.Rujukan Pelan Bangunan : MBSP/40/20-12/46(PR1)(24), Pelan Diluluskan : Majlis Bandaraya Seberang Perai, Jenis Pegangan Tanah : Kekal, Gadaian Tanah : RHB Bank Berhad, Sekatan Kepentingan : Tiada, Tarikh Dijangka Siap : Disember 2026

# Pasangan kembar harumkan nama negara




R. Anjhanah (kiri) dan pasangan kembarnya R. Anjhanie (kanan) menunjukkan trofi kemenangan yang dimenangi di *Chengdu International Grand Finals* di China.

**DUA** pelajar kembar dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Permatang berjaya mengharumkan nama negara apabila meraih pingat perak serta *Top 10 Popularity Award* di *Chengdu International Grand Finals* yang berlangsung di China dari 20 hingga 23 Mac 2026.

Dua beradik tersebut, **R. ANJHANAH** dan **R. ANJHANIE**, 8, berjaya mencuri perhatian juri menerusi kategori persembahan berkumpulan bertajuk *'Two Police Officers, One Mission'* yang disampaikan dalam bahasa Inggeris.

Pertandingan berprestij itu menghimpunkan lebih 150 peserta dari 22 negara termasuk Malaysia, China, Thailand, Vietnam, Singapura, Jerman dan Indonesia, menjadikan pencapaian mereka satu kejayaan yang amat membanggakan.

Menurut Anjhanah, pengalaman beraksi di pentas antarabangsa merupakan suatu pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

"Kami sangat gembira dan bangga dapat mewakili Malaysia ke pentas antarabangsa.

"Pada mulanya kami berasa amat gementar tetapi apabila sudah naik ke atas pentas, kami cuba buat yang terbaik dan saling membantu antara satu sama lain," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **DARWINA MOHD. DAUD** ketika ditemui pada 30 Mac lalu.

Menurut Anjhanah, penilaian pertandingan adalah tertumpu kepada beberapa aspek iaitu penyampaian, keyakinan, ekspresi, kejelasan, kawalan pentas serta impak keseluruhan persembahan.

"Ramai yang berkata walaupun saya dan kembar masih muda, kami berjaya menampilkan persembahan yang mantap dan penuh berkeyakinan.

"Malah, sejak prasekolah lagi, saya dan Anjhanie telah aktif dalam aktiviti pengucapan awam dan pernah memenangi tempat pertama serta kedua dalam pertandingan peringkat sekolah ketika di tahun satu.

"Ini adalah bukti bahawa murid sekolah rendah juga mampu bersaing pada peringkat antarabangsa jika diberi peluang dan bimbingan yang betul.

"Momen ini lebih daripada sekadar kemenangan, malah ia menjadi inspirasi kepada rakan-rakan sebaya bahawa minat, disiplin dan keberanian mampu membuka peluang yang lebih luas," ujarnya.

Menurut Anjhanie pula, persediaan ke pentas antarabangsa bukan sesuatu yang mudah, sebaliknya memerlukan latihan intensif.

"Kami berlatih secara konsisten dari segi hafalan, sebutan, ekspresi dan bahasa badan yang sudah pasti

memberikan




SIJIL *'Gold Award'* yang dimenangi pasangan kembar dari SJKT Permatang Tinggi itu di Chengdu, China baru-baru ini.

cabaran tersendiri.

"Malah, ibu bapa kami merupakan tulang belakang terpenting dek sering memastikan kami bersedia dari segi emosi dan keyakinan.

"Selain mendapat bimbingan daripada barisan guru di sekolah, kami juga mengikuti latihan di bawah *Deemcee Speaking Program*," ulasnya lanjut.

Mengimbas momen paling bermakna, pasangan kembar ini mengakui rasa teruja apabila menerima dua anugerah baru-baru ini.

"Saat nama kami dipanggil adalah momen paling menyeronokkan, dan kami masih dalam keadaan tidak percaya ketika itu.

"Kami tidak menyangka langsung akan mendapat dua anugerah dan sokongan daripada orang ramai," tambah Anjhanah.

Pada masa hadapan, pasangan kembar tersebut berharap untuk terus aktif dalam bidang pengucapan awam dan menyertai lebih banyak pertandingan bagi meningkatkan kemahiran komunikasi serta keyakinan diri.

"Kejayaan ini bukan sahaja telah mengharumkan nama sekolah, malah membuktikan bahawa usia muda bukan penghalang untuk mencapai kejayaan di pentas dunia.

"Diharapkan pencapaian menjadi inspirasi kepada murid lain untuk berani mencuba serta mengembangkan potensi diri," tutur Anjhanie mengakhiri wawancara.

Difahamkan, kejayaan pasangan kembar tersebut di Chengdu adalah kesinambungan daripada pencapaian cemerlang pada peringkat kebangsaan apabila meraih pingat emas dalam pertandingan *The Speech of Asia 2026*.

Saringan tersebut berlangsung pada 14 hingga 15 Februari 2026 di *Damansara Performing Arts Centre* (DPAC), Petaling Jaya, sekali gus melayakkan mereka ke peringkat akhir antarabangsa.




R. Anjhanah (depan, dua dari kiri) dan R. Anjhanie (depan, tiga dari kiri) merakam gambar kenang-kenangan bersama para peserta yang berjaya menerima pengiktirafan pada *Asia Pasific International Arts Festival* di China pada Mac lalu.

# Legasi perniagaan songkok tertua

Di sebalik arus kemodenan dan perubahan gaya hidup, sebuah kedai songkok warisan di negeri ini kekal teguh pertahankan seni pembuatan tradisional yang telah bertapak sejak hampir satu abad.

Kedai Songkok OSM Mohamed Shariff kini dikenali sebagai antara yang tertua dan terakhir masih aktif menghasilkan songkok secara tradisional di Pulau Pinang, sekali gus menarik perhatian pelancong tempatan dan antarabangsa.

Bagi **ABDUL KADER MOHAMED MYDIN**, 50, perniagaan yang diusahakan bukan sekadar mencari rezeki, sebaliknya menjadi amanah untuk memastikan warisan keluarga terus terpelihara.

"Alhamdulillah, kedai ini sering dipromosikan oleh agensi pelancongan melalui pelbagai medium termasuk risalah, majalah dan juga platform antarabangsa seperti di Singapura.

"Malah, ramai yang datang bukan sekadar untuk membeli, tetapi juga melihat sendiri proses pembuatan songkok," ujarnya yang telah berkecimpung dalam perniagaan tersebut selama dua tahun.

Beliau berkata demikian ketika sesi wawancara khas bersama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL**, dan jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN** pada 15 April 2026.

Menurut Abdul Kader, songkok baldu kekal menjadi pilihan utama pelanggan, merangkumi kira-kira 90 peratus daripada jumlah jualan.

"Pada masa sama, kami turut menawarkan variasi lain seperti tarbus, *alijinnah* dari Pakistan serta *karzi* dari Afghanistan yang masing-masing mempunyai keunikan tersendiri.




**REKAAN kopiah yang dihasilkan di Kedai Songkok OSM Mohamed Shariff kekal relevan sebagai pilihan yang ringkas dan selesa.**

"Kita juga turut mengikut trend semasa kerana ada pelanggan yang mahukan songkok tinggi sekitar tiga hingga tiga setengah inci dan ada juga yang memilih gaya rendah atau rata yang kini semakin popular," jelasnya.

Dari segi harga, Abdul Kader memaklumkan bahawa songkok yang dijual masih dalam kategori mampu milik dengan kebanyakan produk berharga bawah RM60, bergantung kepada jenis dan rekaan.

"Songkok yang kami tawarkan masih pada harga mampu milik supaya semua lapisan pelanggan boleh mendapatkan songkok berkualiti mengikut pilihan masing-masing.

"Manakala saiz yang ditawarkan pula merangkumi saiz bayi, kanak-kanak hingga dewasa bagi memenuhi keperluan pelanggan pelbagai peringkat umur," tambahnya.



**HAJA Mohideen Mohd. Shariff menunjukkan tarbus yang mempunyai peminatnya tersendiri.**



**KETELITIAN dan kekemasan menjadi aspek penting bagi Haja Mohideen Mohd. Shariff dalam penghasilan songkok.**

## Permintaan dan pengubahsuaian

Mengulas mengenai permintaan, Abdul Kader berkata musim perayaan Aidilfitri kekal menjadi tempoh paling sibuk dengan tempahan meningkat dengan mendadak, selain permintaan untuk majlis perkahwinan dan kegunaan rasmi.

"Musim Aidilfitri kekal menjadi tempoh paling sibuk bagi kami apabila tempahan meningkat dengan ketara berbanding Aidiladha.

"Dari segi ketahanan, songkok keluaran kami mampu bertahan sehingga dua tahun dengan penjagaan yang baik," ujarnya.

Tambahnya lagi, mereka yang berkunjung ke premis Kedai Songkok OSM Mohamed Shariff kebanyakannya adalah pelanggan tetap, ada yang datang dari generasi ke generasi.

"Selain pembelian secara fizikal, tempahan turut diterima dari luar Pulau Pinang melalui pos, selain pelanggan yang membuat pembelian secara dalam talian seperti di aplikasi *Shopee*," katanya sambil memaklumkan kebanyakannya masih memilih untuk datang secara '*walk-in*'.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran, Abdul Kader menjelaskan bahawa mereka tidak bercadang membuka cawangan baharu buat masa ini kerana mahu mengekalkan kualiti serta fokus kepada operasi sedia ada.

"Kami kini mula perkenalkan pembungkusan sendiri sebagai langkah penjenamaan.

*(Sambungan di muka 15).*




**ANTARA pengiktirafan dan penghargaan yang diterima.**

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
